

## Panduan Menjawab Kertas Bahasa Melayu Peringkat GCE 'N' dan 'O'

### 1. Soalan A1

- Kenal pasti bentuk-bentuk imbuhan dengan golongan kata.

Contoh:

Kata Nama	Kata Kerja
<ul style="list-style-type: none"><li>➤ peN-</li><li>➤ peN-...-an</li><li>➤ ke-...-an</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ ber-</li><li>➤ meN-</li><li>➤ meN-...-kan</li><li>➤ meN-...-i</li></ul>

- Kenal pasti struktur ayat.

Kata Kerja Aktif Transitif (memerlukan objek) selalunya berbentuk imbuhan,	Kata Kerja Aktif Tidak Transitif (tidak memerlukan objek) selalunya berbentuk imbuhan,	Kata Kerja Pasif selalunya berbentuk imbuhan,
<ul style="list-style-type: none"><li>➤ meN-,</li><li>➤ meN-...-kan</li><li>➤ meN-...-i</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ beR-</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ di-,</li><li>➤ di-...-kan</li><li>➤ di-...-i</li></ul>

- Ejaan mestilah tepat.

Contoh:

- kebanyakan dan bukan kebanyakan
- mencampakkan dan bukan mencampakan

### 2. Soalan A2

- Hafal semua peribahasa
- Baca petikan dengan teliti dan fahami konteks.
- Pilih peribahasa yang sesuai dengan konteks ayat dalam petikan.

### 3. Soalan A3

- Baca petikan dengan teliti.
- Baca perkataan-perkataan yang diberikan bagi mengisi tempat-tempat kosong dalam petikan. Fahami makna setiap perkataan.
- Baca petikan sekali lagi dan fahami konteks.
- Pilih perkataan yang sesuai bagi setiap tempat kosong.

#### 4. Bahagian B

- Baca petikan dengan teliti dan fahamkan isi petikan.
- Baca soalan-soalan serta pendaya-pendaya.
- Baca petikan sekali lagi.
- Baca soalan dan pilih jawapan yang paling sesuai.
- Kadangkala pendaya-pendaya kelihatan seperti semuanya betul, namun pilih yang paling tepat.
- Kamu juga boleh guna kaedah "cross out method" iaitu pangkah pendaya yang tidak betul.

#### 5. Bahagian C

- Baca petikan dengan teliti dan fahamkan isi petikan.
- Baca soalan-soalan serta serlahkan kata-kata kunci dalam soalan.
- Fahami kehendak setiap soalan.
- Baca petikan sekali lagi.
- Jawab soalan-soalan dengan teliti.
- Lihat jumlah markah sebagai panduan.
- Bagi soalan 3 markah, beri satu isi.
- Bagi soalan 5 markah, beri dua isi.
- Bagi soalan yang menghendaki kamu beri makna perkataan, beri makna perkataan mengikut konteks petikan.
- Perhatikan, jika perkataan dalam bentuk Kata Nama, perkataan lain yang diberikan mestilah berbentuk Kata Nama juga.
- Kalau perkataan berbentuk Kata Kerja, maka hendaklah beri perkataan lain dalam bentuk Kata Kerja juga.